

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



ID 212732267

PAGE 1 of 1

Projek Radia RM1.6b dilancar

» *Pembangunan hasil usahama Sime Darby, UEM Sunrise di Bukit Jelutong*

Oleh Che Wan Badrul Alias

■ Kuala Lumpur

Sime Darby Bhd dan UEM Sunrise Bhd melancarkan projek pembangunan bersepadu bernilai RM1.6 bilion di tapak seluas 2.7 juta kaki persegi di Bukit Jelutong, Shah Alam.

Projek itu yang dikenali sebagai Radia akan dilaksanakan menerusi Sime Darby Sunrise Development Sdn Bhd, syarikat usaha sama yang ditubuhkan kedua-dua kumpulan itu dengan pegangan ekuiti 50:50 sejak 2010.

Rania akan dibangunkan menerusi lima fasa dengan fasa pertama hingga empat akan bermula menjelang suku keempat tahun ini, membabitkan pembinaan 640 unit pang-sapuri khidmat, ruang pejabat seluas 400,000 kaki persegi dan ruang runcit seluas 880,000 kaki persegi.

Sementara fasa kelima membabitkan pembangunan ruang runcit akan dilancarkan dalam tempoh dua tahun.

Ketua Operasi Kumpulan Sime Darby, Datuk Abd Wahab Maskan, berkata Radia akan memanfaatkan sepenuhnya kepekaran yang dimiliki kedua-dua kumpulan hartanah itu bagi menghasilkan nilai strategik terbaik untuk memenuhi kehendak pelanggan dan pelabur.

Katanya, ia dikukuhkan lagi dengan prestasi Radia yang pernah memenangi dua Anugerah Hartanah Antarabangsa iaitu Pembangunan Komersial Terbaik Malaysia dan Terbaik di Asia Pasifik bagi tahun 2013-2014.

“Kami yakin ia bakal menjadi satu lagi penanda aras baru dalam industri. Kerjasama ini cukup strategik dalam memberikan tambah nilai, meningkatkan daya tarikan, keupayaan pemasaran dan pengurusan kualiti aset pada masa depan.

Harga belum dimuktamad
“Harganya masih belum di-

muktamadkan dan akan diumumkan tidak lama lagi. Namun secara kasar, kami mempertimbangkan harga permulaan bagi kediaman mungkin mencecah antara RM500,000 hingga RM600,000,” katanya selepas pelancaran Radia di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif UEM Sunrise, Datuk Wan Abdullah Wan Ibrahim dan Ketua Pembangunan Hartanah, Sime Darby Property Bhd, Zulkifli Tahmali.

Radia yang mendapat sentuhan arkitek terkemuka Perancis, JH Boiffils, dijangka siap sepenuhnya menjelang 2018 dan bakal didiami lebih 25,000 penghuni dan pekerja.

Kedudukannya strategik dan berhampiran dengan lima akses ke bandar utama di Lembah Klang termasuk Lebuh Raya Lembah Klang Baru (NKVE), Lebuh Raya Koridor Guthrie (GCE) dan Lebuhraya DASH (Lebuh-raya Damansara - Shah Alam).



(Dari kiri), Ahli Jawatankuasa Pembangunan Sime Darby Sunrise, Chin Chew Fan; Wan Abdullah; Abd Wahab dan Zulkifli selepas pelancaran Radia di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO CHE RANI CHE DIN/BH]